



**PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA**  
**(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)**

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

**Presiden**  
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

**Timbalan Presiden**  
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

**Naib Presiden**  
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)  
SALIZA BT ABDULLAH  
MOHAMMAD UBaidILLAH B. IMAN

**Setiausaha Kehormat**  
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

**Bendahari Kehormat**  
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

**Penolong Setiausaha**  
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

**Penolong Bendahari**  
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

**Ahli-ahli Jawatankuasa**  
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT  
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)  
MOHD YUSOFF B. M DAUD  
ADNAN B. ABDULLAH  
ADILA B. DATO' ABDULLAH  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN  
TUDM(B)  
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA  
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU  
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

**Juruaudit Dalam**  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur**  
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

**Pengerusi Zon Selangor**  
SHANKER RAJ AYANGER

**Pengerusi Zon Johor**  
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

**Pengerusi Zon Perak**  
ZAITON BT MOHD NUSI

**Pengerusi Zon Kelantan**  
AFENDI BIN MUKHTAR

**Pengerusi Zon Pahang**  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

**Pengerusi Zon Pulau Pinang**  
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

**Pengerusi Zon Kedah & Perlis**  
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

**Pengerusi Zon Melaka**  
DATO' GAN PENG LAM

**Pengerusi Zon Negeri Sembilan**  
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

**Pengerusi Zon Sabah**  
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

**Pengerusi Zon Sarawak**  
SHAHARUDDIN B. SAMSI

**Sekretariat**  
**Pengurus Besar**  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(37)

1 JULAI 2020

**SEMUA AHLI PIKM**  
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE - 37/2020:**  
**MAKLUM BALAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BERKAITAN**  
**ARAHAN PENYEDIAAN ALAT PENYUKAT SUHU BADAN DI PREMIS JAGAAN**  
**MILIK KPM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti yang dimaklumkan melalui Surat Edaran PIKM ke-31 bertarikh 12 Jun 2020 berkaitan perkara di atas, PIKM telah menerima surat maklum balas daripada Bahagian Perolehan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang dilampirkan bersama surat ini untuk makluman lanjut syarikat-syarikat yang mempunyai kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan di bawah KPM.

3. Berkenaan perkara ini, PIKM telah mengemukakan surat kepada KPM pada 12 Jun 2020 berkenaan arahan kepada Syarikat Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Syarikat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) untuk menyediakan alat penyukat suhu badan bagi tujuan melaksanakan pemeriksaan suhu badan pekerja di bawah seliaan setiap hari sebelum bekerja.

4. **Adalah jelas bahawa pelaksanaan saringan kesihatan terhadap murid, guru dan warga sekolah adalah di bawah tanggungjawab pihak pentadbiran sekolah.** Dengan surat maklum balas KPM ini juga diharap ianya menjawab segala kekeliruan yang mungkin timbul sekiranya terdapat desakan dari Pejabat Pendidikan Negeri / Daerah, untuk setiap syarikat menyediakan satu alat pengimbas thermal untuk menyukat suhu pekerja, pelanggan, pelawat mahupun murid di setiap pos jagaan.

Seikian, terima kasih.

Yang benar,

**KU NORAZMI BIN DATO' HJ IMAM ASMAWI**  
**Setiausaha Kehormat**

S.k: Presiden



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Bahagian Perolehan  
Aras 5, Blok E2, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya.

Telefon : 603-8884 6860  
Faks : 603-8884 6800  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.BPL.S.400-5/10/50 JLD. 2 (4)

Tarikh : 22 Jun 2020

**YBhg. Dato' Sri Hj. Ramli Bin Hj. Yusuff**  
Presiden  
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia  
Unit 715 & 716  
Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre  
Jalan SS7/2, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
SELANGOR



YBhg. Dato' Sri,

**MAKLUM BALAS KEPADA PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM) BERHUBUNG ISU PENYEDIAAN ALAT PENYUKAT SUHU BADAN OLEH SYARIKAT PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK) DI PREMIS JAGAAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Merujuk kepada surat YBhg. Dato' Sri bertarikh 12 Jun 2020 No. Rujukan PIKM/SEKRETARIAT/KPM/2020(10) berkenaan arahan kepada Syarikat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) menyediakan alat penyukat suhu badan di premis jagaan milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian ini mengambil maklum perkara di atas seperti yang terkandung di dalam **Soalan Lazim (FAQ) berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).**

3. Walau bagaimanapun, merujuk kepada **Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang dikeluarkan oleh KPM bertarikh 4 Jun 2020**, pelaksanaan **saringan kesihatan terhadap murid, guru dan warga sekolah adalah di bawah tanggungjawab pihak pentadbiran sekolah.** Untuk maklumat lanjut, garis panduan ini dapat dicapai melalui laman sesawang KPM di [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

Ruj. Kami : KPM.BPL.S.400-5/10/50 JLD. 2 (4)  
**MAKLUM BALAS KEPADA PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM)  
BERHUBUNG ISU PENYEDIAAN ALAT PENYUKAT SUHU BADAN OLEH SYARIKAT  
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK) DI PREMIS JAGAAN MILIK KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**


---

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato' Sri dipohon mengambil maklum akan perkara ini. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Sri berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL HARIS BIN HAJI LAKAR)**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Setiausaha Bahagian (Keselamatan dan Kebersihan)  
Bahagian Perolehan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar)  
Bahagian Perolehan  
Kementerian Pendidikan Malaysia